

27 JUN 2002

KOMPAKAR-DR MAHATHIR/I

KOMPAKAR HARAP DR MAHATHIR TERUS MENYUMBANG KPD PEMBANGUNAN IT

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) milik Bumiputera, Sistem Kompakar Sdn Bhd, berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus menyumbang kepada pembangunan ICT di negara ini.

"Kejayaan begitu banyak inisiatif dalam projek teknologi dan maklumat kerajaan Malaysia adalah hasil daripada wawasan Dr Mahathir," kata pengerusi eksekutif Sistem Kompakar, Tunku Datuk Seri Shahabudin Tunku Besar Burhanuddin.

"Kita berharap Dr Mahathir akan terus memberi sumbangan agar projek-projek ICT kerajaan akan dilaksanakan dengan cekap dan cepat sepertimana pada masa-masa lalu.

"Koridor Raya Multimedia telah menjadi kenyataan disebabkan oleh usaha dan wawasan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini sebagai reaksi kepada pengumuman Perdana Menteri tentang hasratnya untuk berundur baru-baru ini.

Sistem Kompakar telah ditubuhkan pada tahun 1988 bagi menyertai industri teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang dengan pesat, khususnya dalam kerajaan dan sektor awam.

Dalam bidang teknologi penjagaan kesihatan, usaha Dr Mahathir dalam penyediaan kemudahan bertaraf dunia telah mendorong pelaksanaan Sistem Lengkap Maklumat Hospital (THIS) bagi Hospital Putrajaya dan klinik Putrajaya, tegasnya.

Sistem Kompakar telah mencipta sistem PutraCare, produk Malaysia sepenuhnya dengan pelaksanaan dan sokongan tempatan, yang menghubungkan klinik Putrajaya dan Hospital Putrajaya.

"Kami yakin bahawa pengganti beliau, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu membawa pembangunan dan kemajuan selanjutnya bagi sektor ICT di negara ini," katanya. -- BERNAMA

FA SD KY AA